



## **KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT**

### **Buku Tunas: Super Mr Gamer VS Miss H**

PTS Media Group kini menampilkan sebuah lagi karya Tunas Super yang bertajuk *Mr Gamer VS Miss H*. Novel fiksyen ini dikarang oleh seorang penulis Tunas Super, iaitu Muhammad Azim Hakimi Mohd Mazdi. Walaupun baru berumur 12 tahun, beliau sudah mampu menghasilkan karya yang menarik minat pembaca-pembaca cilik. Karya pertama beliau adalah *Misi Magika*.

Novel ini adalah karya yang sesuai dibaca oleh pelajar sekolah rendah. Novel ini mengisahkan tentang Harris Hafizul, seorang penggodam yang mahir menggodam pelbagai jenis permainan video dan Miss H seorang penggodam yang tamak. Melalui buku, penulis mengetengahkan tentang bahayanya penyalahgunaan media sosial, semangat persahabatan, dan kekeluargaan.

Idea menulis novel ini diambil melalui persekitaran penulis itu sendiri. Nama-nama yang terdapat dalam novel ini pula berdasarkan nama rakan-rakan beliau. Namun, cerita dalam novel ini tidak melibatkan pengalaman penulis maupun pengalaman orang sekeliling beliau.

Karya kedua penulis ini sesuai untuk bacaan pelajar sekolah rendah. Ini kerana, ia dapat dijadikan sebagai pembakar semangat mereka untuk cuba menulis karya sendiri. Selain itu, terdapat juga elemen nilai-nilai murni yang diselitkan dalam novel ini untuk dijadikan pedoman.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my